



PSM

BORANG TEMPAHAN VENUE

No borang: PSM/CAW/03

Pindaan Tarikh: 20 FEB 2017

Muka Surat : 1/15

VENUE :

1. Butir-Butir Tempahan

- a. Agensi / Pertubuhan / Individu :
- b. Alamat Surat Menyurat :
.....
.....
- c. No. Telefon : **(P)**
..... **(R)**
..... **(H/P)**
- d. No. Faksimili :
- e. E-mail :

2. Saya / Kami ingin menggunakan Venue tersebut bagi maksud seperti berikut :

- a. Nama Acara :
- b. Tarikh Persiapan :
- c. Tarikh Sebenar Acara :
- d. Tarikh Pemungghahan :
- e. Masa Hari Acara : Sehingga
- f. Harga Tiket (jika ada) :

 PSM	BORANG TEMPAHAN VENUE	No borang: PSM/CAW/03
		Pindaan Tarikh: 20 FEB 2017
		Muka Surat : 2/15

MAKLUMAT PEMBAYARAN

- Bersama-sama ini disertakan **Wang Tunai / Bank Draf / *Cek No.** _____
 sebanyak **RM** _____ sebagai wang cagaran tempahan menggunakan
 stadium. Cek pembayaran hendaklah atas nama **PERBADANAN STADIUM MALAYSIA.**
- Saya / Kami telah pun membaca, memahami dan patuh kepada segala peraturan yang
 telah ditetapkan oleh pihak Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) dan lain-lain peraturan
 yang diperkenalkan dari masa ke semasa.

Pengesahan tempahan oleh :

Pengurus Besar
Perbadanan Stadium Malaysia
Tarikh / Masa :

Nama Pemohon :
No K/P :
Tarikh :
Cop agensi :

Catatan: Maklumat sewaan adalah seperti di lampiran.



PSM

BORANG TEMPAHAN VENUE

No borang: PSM/CAW/03

Pindaan Tarikh: 20 FEB 2017

Muka Surat : 3/15

AKUAN PENJAMIN

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Alamat : _____

No. Telefon : _____ (H) _____ (P)

No. Faksimili : _____

Tandatangan : _____

DISAKSIKAN OLEH

Tandatangan : _____

Nama : _____

No kad Pengenalan : _____

Alamat : _____

No Telefon : _____ (H) _____ (P)

No Faksimili : _____

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

Permohonan diterima dan disemak oleh :

Permohonan **diluluskan / Tidak diluluskan.**

(potong mana tidak berkenaan)

Pegawai Tempahan
Perbadanan Stadium Malaysia

Tarikh :

Pengurus Besar
Perbadanan Stadium Malaysia

Tarikh :

PERJANJIAN PENYEWAAN

 PSM	BORANG TEMPAHAN VENUE	No borang: PSM/CAW/03
		Pindaan Tarikh: 20 FEB 2017
		Muka Surat : 4/15

PERJANJIAN INI adalah dibuat pada haribulan 20.....

DI ANTARA

PERBADANAN STADIUM MALAYSIA, sebuah badan yang telah dikorporatkan di Malaysia di bawah Akta Perbadanan Stadium Malaysia, 2010 dan mempunyai alamat berdaftar di Aras 1, Stadium Nasional, Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil, 57700 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan (yang mana selepas ini dirujuk sebagai "**PSM**") bagi satu pihak;

DAN

SATU PIHAK yang mana nama dan alamatnya dinyatakan di dalam Jadual 1, Item No.1 di dalam **Appendix "A"** yang disertakan bersama-sama dengan Perjanjian ini (yang mana selepas daripada ini dikenali sebagai "**PENYEWA**") bagi pihak yang satu lagi.

DI MANA:-

- a. **PSM** adalah sebuah badan yang telah diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Stadium Malaysia, 2010 bertujuan untuk mengurus dan mentadbir Kompleks Sukan Negara untuk dan bagi pihak Kerajaan Malaysia dan dalam masa yang sama bertanggungjawab untuk menguruskan pentadbiran Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil di mana ianya terdiri daripada Stadium Nasional, Stadium Putra, Pusat Skuasy Nasional, Pusat Akuatik Nasional, Stadium Hoki Nasional, Taman Sukan X-treme, Bukit Komanwel, Kompleks Sukan Negara Bukit Kiara, Kompleks Sukan Negara Jalan Duta dan juga Kompleks Sukan Setiawangsa.
- b. **PSM** juga pada masa yang sama adalah mempunyai kuasa untuk memberikan hak-hak penyewaan kepada mana-mana pihak samaada berupa individu ataupun badan-badan korporat untuk menyewa dan sekaligus mengguna pakai apa-apa kemudahan di tempat atau premis di bawah selenggaraan mereka.
- c. **PENYEWA** adalah sebuah badan korporat dan/atau syarikat dan/atau persatuan dan/atau individu yang mempunyai pengalaman di dalam pengoperasian, pengurusan dan juga mengkoordinasi sebarang pertunjukan acara, pengurusan pentas, sistem tiket secara berkomputer untuk apa-apa jua acara samaada bersifat sukan atau yang tidak bersifat sukan yang dijalankan di mana-mana lokasi di Malaysia.
- d. Tertakluk kepada terma-terma yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini, **PENYEWA** berhasrat untuk membuat penyewaan di lokasi yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini daripada pihak PSM (di mana selepas daripada ini lokasi yang dimaksudkan dikenali sebagai "**Premis tersebut**") dan sesalinan peta lokasi atau gambarajah kedudukan lokasi adalah dilampirkan di dalam Perjanjian ini di **Jadual 1, Item No. 2** di dalam Appendix "A".
- e. Tertakluk kepada terma-terma perjanjian yang akan dinyatakan di dalam Perjanjian ini, **PSM** bersetuju secara dasarnya untuk memberikan hak penyewaan kepada **PENYEWA** di lokasi yang dinamakan sebagai Premis tersebut di **Jadual 1, Item 3** di dalam Appendix "A".

 PSM	BORANG TEMPAHAN VENUE	No borang: PSM/CAW/03
		Pindaan Tarikh: 20 FEB 2017
		Muka Surat : 5/15

- f. Tertakluk kepada terma-terma Perjanjian ini, **PENYEWA** adalah dengan ini diberikan hak untuk mengendalikan program yang ia berhasrat untuk mengadakannya di Premis tersebut, mengeluarkan, menjual dan/atau menguruskan penjualan tiket untuk acara yang akan diadakan tersebut dan juga apa-apa jua kendalian lain yang membawa kepada maksud pengurusan sesuatu acara bersifat pentas atau lainnya, bersifat sukan atau lainnya oleh **PENYEWA** tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang akan dipersetujui kelak di dalam perjanjian ini.

MAKA PIHAK-PIHAK DI SINI adalah bersetuju untuk memasuki perjanjian ini untuk menyatakan terma-terma bagi tujuan dan maksud yang akan dinyatakan di sini di dalam perjanjian ini. Maka pihak-pihak bersetuju seperti berikut:-

ARTIKEL 1 DEFINISI DAN INTERPRETASI

- 1.1 Di dalam memberi penterjemahan terhadap Perjanjian ini (di mana ekspresi Perjanjian adalah dikira juga termasuk apa-apa jua Jadual yang disertakan di sini kecuali wujud maksud yang sebaliknya ataupun konteks ayat-ayat di dalam Perjanjian ini menghendaki maksud yang sebaliknya) maka Ekspresi-ekspresi berikut mempunyai makna-makna seperti berikut:-

“Acara”	Bermaksud apa-apa acara sukan dan/atau lain-lain acara atau tujuan di mana ianya secara khusus dinyatakan di Jadual 1, Item No. 6, Appendix “A” .
“Hari Berkerja”	Bermaksud mana-mana hari bekerja kecuali hari Sabtu dan Ahad ataupun hari-hari cuti umum;
“MACP”	Bermaksud Badan Pelindung Hak Cipta Karyawan Muzik ataupun “Music Authors’ Copyright Protection (MACP) Berhad yang beralamat di No.6-3, Jalan 3/114, Kuchai Business Centre, Jalan Kuchai Lama, 58200 Kuala Lumpur yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan lesen kepada pengguna-pengguna muzik sama ada radio, stesen television, kelab malam, dewan muzik dan lain-lainnya, di mana hasil daripada bayaran yang diterima oleh mereka daripada pemegang-pemegang lesen seperti pihak Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) dan sebagainya, mereka pula akan seterusnya membayar kepada penulis-penulis lagu dan juga penerbitnya apabila hasil kerja mereka disiarkan dan dipersembahkan kepada umum;
“PPM”	Bermaksud Public Performance Malaysia Sdn. Bhd. (173608-v) yang beralamat di No.L-8-2, 8th. Floor, Block L, No. 2, Jalan Solaris, Solaris Mont’ Kiara, 50480 Kuala Lumpur, iaitu satu badan yang ditubuhkan di bawah Persekutuan Industri Rakaman Malaysia ataupun Recording Industry Association of Malaysia (RIM) yang diiktiraf di bawah Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332).

 PSM	BORANG TEMPAHAN VENUE	No borang: PSM/CAW/03
		Pindaan Tarikh: 20 FEB 2017
		Muka Surat : 6/15

lanya ditubuhkan pada tahun 1988 untuk mewakili industri rakaman bertujuan untuk memberi lesen untuk sesuatu persembahan umum, menyiarkan rakaman muzik dan video untuk keselesaan penggunaan rakaman bunyi dan juga muzik video termasuk karaoke sebagaimana yang terkandung di dalam kaset, CD, LD, VCD, DVD dan lain-lain.

“Tahun Kalendar” Bermaksud satu tempoh masa daripada 1 Januari ke 31 Disember pada setiap tahun;

- 1.1 Sebarang rujukan di dalam Perjanjian ini kepada **PSM** ataupun **PENYEWA** adalah termasuk wakil-wakil peribadi, wakil waris yang sah dan sebarang lantikan-lantikan lain.
- 1.2 Kepala tajuk di dalam Perjanjian ini adalah untuk tujuan memudahkan rujukan sahaja dan tidak akan memberi kesan terhadap apa-apa provisi Perjanjian ini.
- 1.3 Perkataan-perkataan yang memberi rujukan kepada satu akan juga termasuk jamak begitulah juga sebaliknya. Perkataan yang merujuk gender yang tertentu juga akan termasuk gender-gender yang lain.
- 1.4 Rujukan-rujukan kepada muqaddimah, klausa-klausa dan juga jadual-jadual adalah juga merujuk kepada muqaddimah-muqaddimah tersebut, klausa-klausa dan juga jadual-jadual di dalam Perjanjian ini.

ARTIKEL 2 PERJANJIAN INI

- 2.1 Tertakluk kepada terma-terma Perjanjian ini selepas daripada ini, **PSM** adalah dengan ini memberikan hak penyewaan kepada **PENYEWA** dan dengan ini juga **PENYEWA** adalah bersetuju untuk menerima hak penyewaan daripada **PSM** di atas Premis tersebut untuk satu tempoh selama sepertimana yang dinyatakan di dalam **Jadual 1, Item No: 4**, Appendix A pada kadar sewaan sebanyak sepertimana yang dinyatakan di dalam **Jadual 1, Item No:5**, Appendix “A” (yang mana selepas ini dirujuk sebagai “Bayaran Sewaan”) yang dibayar kepada **PSM** sebelum atau pada masa ketika Perjanjian ini ditandatangani.

ARTIKEL 3 ACARA

- 3.1 Acara yang dimaksudkan di dalam Perjanjian ini adalah satu acara yang dikenali sebagaimana disebutkan di dalam **Jadual 1, Item No: 6**, Appendix “A” yang disertakan di dalam Perjanjian ini (yang mana selepas ini dikenali sebagai “acara tersebut”)
- 3.2 Acara tersebut akan bermula pada dan berakhir sepertimana yang dinyatakan di dalam **Jadual 1, Item No: 7**, Appendix “A”.

 PSM	BORANG TEMPAHAN VENUE	No borang: PSM/CAW/03
		Pindaan Tarikh: 20 FEB 2017
		Muka Surat : 7/15

ARTIKEL 4 BAYARAN

- 4.1 Tertakluk kepada terma-terma Perjanjian ini, **PSM** adalah dengan ini memberikan hak penyewaan kepada **PENYEWA** untuk satu tempoh sebagaimana yang dinyatakan secara lebih lanjut di dalam **Jadual 1, Item No: 4**, Appendix "A" untuk satu jumlah sebanyak sepertimana yang dinyatakan di dalam **Jadual 1, Item No: 5**, Appendix "A".
- 4.2 **PENYEWA** adalah dengan ini bersetuju untuk membayar deposit sebanyak 50% daripada jumlah keseluruhan penyewaan dalam tempoh empatbelas(14) hari daripada tarikh penyewaan berkuatkuasa.
- 4.3 **PENYEWA** adalah dengan ini bersetuju membuat pembayaran dalam bentuk BANK DRAFT sekiranya acara tersebut mengenakan levi sebanyak 15%(Lima Belas Peratus) selewat-lewatnya empatbelas(14) hari sebelum hari penyewaan berkuatkuasa.
- 4.4 **PENYEWA** mengaku janji sekiranya mereka gagal membuat pembayaran dalam tempoh empatbelas(14) hari tersebut ianya akan menyebabkan tempahan penyewaan oleh **PENYEWA** akan dibatalkan tanpa sebarang notis dan segala pembayaran yang telah dijelaskan tidak akan dipulangkan.
- 4.5 **PSM** adalah boleh mengemukakan tuntutan selepas acara berlangsung dan tuntutan tersebut hendaklah diselesaikan dalam tempoh tidak kurang daripada satu(1) bulan dari tarikh tuntutan tersebut dihantar.
- 4.6 Pada pengakhiran penyewaan, deposit akan dipotong berdasarkan kepada beberapa faktor:
- 4.6.1: Jika terdapat kerosakkan maka jumlah kerosakkan dan kos pembaikan;
- 4.6.2 Bacaan meter pada alatan dan kemudahan tertentu seperti pada meter air, elektrik dan sebagainya;

5.2 **PENGGUNAAN**

- 5.2.1: **PENYEWA** mengakujajji akan menggunakan Premis tersebut HANYA untuk tujuan penganjuran Acara tersebut sahaja, dan samasekali tidak akan menggunakan Premis tersebut, mengoperasikannya dan/atau menyebabkan Premis tersebut dalam apa cara punjua teroperasi atau digunakan untuk apa-apa tujuan yang boleh membawa sesuatu yang menyalahi undang-undang, peraturan-peraturan ataupun apa-apa kehendak undang-undang.
- 5.2.2: **PENYEWA** juga mengakujajji bahawa sebarang pembinaan struktur atau binaan bersifat sementara yang akan dibina di atas Premis tersebut adalah tertakluk kepada kebenaran khusus yang diberikan oleh pihak **PSM** kepada **PENYEWA**, dan hanya akan bersifat sementara sahaja. Apabila tamat sahaja Perjanjian ini, struktur atau binaan tersebut hendaklah dirobuhkan atau dialihkan daripada Premis tersebut ke satu tempat lain yang di luar daripada kawasan seliaan **PSM**.

BORANG TEMPAHAN VENUE

No borang: PSM/CAW/03

Pindaan Tarikh: 20 FEB 2017

Muka Surat : 8/15

5.2.3: Sebarang kos yang timbul ekoran daripada aktiviti perobohan dan/atau pengalihan binaan sementara tersebut hendaklah dan akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak **PENYEWA** dalam tempoh yang telah dipersetujui sebagaimana yang akan dimaklumkan oleh **PSM** kepada **PENYEWA**.

5.3 PENYELENGGARAAN

5.3.1: **PENYEWA** mengakujaji bahawa mereka akan pada setiap masa sepanjang Perjanjian ini berkuatkuasa memastikan Premis tersebut sentiasa bersih, berkeadaan baik dan sentiasa berkeadaan yang boleh disewakan semula dan akan memastikan bahawa pada ketika Perjanjian ini tamat, Premis tersebut akan diserahkan semula kepada **PSM** dalam keadaan baik, bersih dan boleh disewakan semula kepada penyewa-penyewa yang lain.

5.4 PEMERIKSAAN

5.4.1: **PENYEWA** mengakujaji akan membenarkan **PSM** atau agen-agen yang dibenarkan oleh **PSM** untuk memasuki Premis tersebut, sama ada dengan kebenaran atau tanpa kebenaran daripada **PENYEWA**, pada waktu yang munasabah dengan cara memberikan notis kepada **PENYEWA** pada bila-bila masa yang sesuai pada perkiraan **PSM** untuk memasuki Premis tersebut, untuk memantau dan juga melihat keadaan Premis tersebut dan juga pada masa yang sama untuk meminta daripada **PENYEWA** supaya melakukan pembaikan terhadap Premis tersebut sekiranya kerosakan yang berlaku adalah disebabkan oleh kecuaiian **PENYEWA**.

5.5 NOTIS SUPAYA KERJA PEMBAIKAN DILAKUKAN

5.5.1: **PENYEWA** akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap segala kerosakan yang berlaku dan sebarang kehilangan sepanjang penyewaan oleh **PENYEWA** atau wakil **PENYEWA**.

5.5.2: Sepanjang tempoh penyewaan tersebut, sekiranya didapati kerosakan yang berlaku adalah disebabkan oleh kecuaiian oleh **PENYEWA**, maka **PSM** adalah boleh memberikan satu notis bertulis kepada **PENYEWA** yang memperincikan bahawa satu kerja pembaikan atau penyelenggaraan adalah perlu dilakukan. **PENYEWA** adalah diwajibkan dengan segera supaya melakukan kerja-kerja pembaikan tersebut sebaik sahaja notis yang dimaksudkan tersebut telah diberi kepada **PENYEWA** dan sekiranya pihak **PENYEWA** tidak melakukan pembaikan tersebut dalam tempoh **tujuh(7)hari** daripada tarikh notis tersebut, maka **PSM** adalah berhak untuk melakukan sendiri pembaikan tersebut,

dan apa-apa kos yang timbul ekoran daripada pembaikan tersebut adalah dikira sebagai satu hutang yang wajib dibayar oleh **PENYEWA** kepada **PSM** dan/atau **PSM** juga adalah dengan ini berhak untuk memotong apa-apa jumlah terhadap deposit sekuriti yang telah dibayar oleh **PENYEWA** sebelum Perjanjian ini ditandatangani dan kegagalan membuat pembayaran boleh membawa kepada satu tindakan undang-undang yang akan dikenakan ke atas **PENYEWA**.

5.5.3: **PENYEWA** juga mengakujaji bahawa mereka akan embuat pemeriksaan dan mengenalpasti kerosakkan yang berlaku dan dalam tempoh 24 jam selepas Acara tersebut berlangsung.

5.6 BARANGAN MERBAHAYA

5.6.1: **PENYEWA** mengakujaji tidak akan samasekali membawa, menyimpan dan/atau terpaksa membawa ke dalam Premis tersebut sesuatu barang yang merbahaya samaada berbentuk bahan letupan, bahan-bahan yang mudah terbakar ataupun sebarang benda atau barang yang mana pada pandangan **PSM** adalah bersifat mudah terbakar, beracun, merbahaya ataupun bersifat memudaratkan dari segi semulajadinya, yang mana barang-barang tersebut adalah boleh memudaratkan dan mendatangkan kecederaan kepada awam sekiranya dibawa masuk semasa Upacara tersebut berlangsung

5.6.2: Sekiranya keadaan semulajadi sesuatu pertunjukkan yang hendak dijalankan oleh **PENYEWA** memerlukan sesuatu yang dikira merbahaya seperti yang dinyatakan di dalam klausa di atas, maka satu kebenaran khusus hendaklah diperolehi terlebih dahulu secara bertulis supaya barangan tersebut boleh dibawa masuk ke dalam tempat yang disewa tersebut. Namun begitu segala kebenaran yang akan diberikan adalah menjadi hak mutlak pihak **PSM**, dan dalam keadaan sedemikian **PSM** adalah boleh sekiranya keadaan memerlukan, meminta **PENYEWA** supaya melindungi pertunjukkan mereka dengan skim insuran yang tertentu sepanjang masa upacara tersebut berlangsung.

5.7 TUJUAN YANG DILARANG

5.7.1: **PENYEWA** mengakujaji bahawa mereka tidak akan menggunakan Premis tersebut untuk sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang atau tidak bermoral dan sama sekali tidak akan membenarkan sesuatu yang akan melanggar mana-mana peraturan yang berkaitan dengan Premis tersebut yang akan menyebabkan sesuatu tindakan terpaksa diambil oleh pihak berkuasa yang mana mereka terpaksa menanggungnya secara bersendirian, dan pada ketika tersebut mereka terpaksa mengganti rugi terhadap pihak **PSM**.

 PSM	BORANG TEMPAHAN VENUE	No borang: PSM/CAW/03
		Pindaan Tarikh: 20 FEB 2017
		Muka Surat : 10/15

5.8 KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN

5.8.1: **PENYEWA** tidak akan dibenarkan samasekali untuk membuat sebarang kerja-kerja pengubahsuaian samaada bersifat struktur asas atau lainnya, samaada di dalam atau kepada Premis tersebut atau sebahagian daripadanya, yang mana pada pandangan **PSM** kerja-kerja pengubahsuaian tersebut akan menyebabkan perubahan berlaku kepada struktur landskap Premis tersebut ataupun kepada tanah-tanah yang berhampiran dengan Premis tersebut tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada pihak **PSM**.

5.9 KETAATAN KEPADA UNDANG-UNDANG

5.9.1 **PENYEWA** mestilah pada setiap masa penyewaan ini berjalan senantiasa menurut dan mentaati semua syarat-syarat wajib yang dikenakan ke atas **PENYEWA** yang berkaitan dengan sifat perniagaan mereka samaada mengikut sebarang Ordinan ataupun mana-mana akta Parlimen.

5.10 GANTIRUGI

5.10.1: **PENYEWA** akan dipertanggungjawabkan dan akan menjamin bahawa **PSM** tidak akan dikenakan sebarang kerugian dan **PENYEWA** akan secara penuh menggantirugi terhadap apa-apa bentuk kerosakkan yang terlibat kepada Premis tersebut, atau terhadap mana-mana individu, yang disebabkan oleh sebarang tindakan atau kecuaiian **PENYEWA** atau wakilnya. **PENYEWA** akan membayar atau menggantikan apa-apa kerugian tersebut kepada **PSM** ekoran daripada kecuaiian tersebut atau kegagalan mentaati terma-terma yang telah dipersetujui di dalam Perjanjian ini dan akan menggantirugi **PSM** terhadap mana-mana tindakan, tuntutan, tanggungjawab, kos-kos yang terlibat dan juga perbelanjaan yang timbul ekoran daripada kecuaiian tersebut.

5.11 SEWAAN KEDUA ATAU PENYERAHAN HAK

5.11.1: **PENYEWA** tidak akan sama-sekali memberi sewaan atau menyerahkan hak sewaan Premis tersebut kepada mana-mana pihak ketiga, samaada sebahagian daripada Premis tersebut atau keseluruhannya tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada pihak **PSM**. Sekiranya pihak **PENYEWA** ada melantik Pengurus Acara, maka pihak **PENYEWA**lah yang akan bertanggungjawab terhadap Perjanjian ini.

5.12 KACAU GANGGU

5.12.1 **PENYEWA** tidak akan sama-sekali dibenarkan atau memberi kebenaran ke atas Premis tersebut yang mana pada pandangan **PSM** kebenaran tersebut akan membawa kepada suatu bentuk kacauganggu ataupun dalam apa-apa bentuk ianya boleh mengganggu keamanan dan keselesaan pihak-pihak lain yang menyewa premis-premis lain di dalam **PSM** atau mana-mana pihak-pihak lain di luar kawasan seliaan **PSM**.

 PSM	BORANG TEMPAHAN VENUE	No borang: PSM/CAW/03
		Pindaan Tarikh: 20 FEB 2017
		Muka Surat : 11/15

5.13 HAK UNTUK MELAWAT PREMIS TERSEBUT

5.13.1 Tertakluk kepada satu kebenaran bertulis daripada **PSM, PENYEWA** adalah wajib dalam tempoh yang sesuai sebelum berakhirnya Perjanjian ini membenarkan mana-mana penyewa baru atau mana-mana pihak lain membuat lawatan dan memasuki Premis tersebut.

ARTIKEL 6 AKUJANJI DARIPADA PSM

6.1 KEMUDAHAN SECARA AMAN

6.1.1: Bahawa **PENYEWA** yang telah membayar sewaan yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini juga telah dalam masa yang sama melaksanakan segala terma-terma yang termaktub di dalam Perjanjian ini, adalah berhak untuk menikmati kemudahan di Premis tersebut secara tenang dan aman tanpa sebarang gangguan daripada **PSM** ataupun daripada mana-mana pihak lain yang mengaku mempunyai hak yang sama terhadap Premis tersebut.

ARTIKEL 7 PEMBATALAN DAN PENANGGUHAN ACARA

7.1 Tertakluk kepada terma-terma berikut, deposit akan dipotong dan/atau tidak akan dikembalikan jika **PENYEWA** membatalkan atau menangguhkan acara yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini seperti berikut:-

- a) Sekiranya **PENYEWA** memberikan notis tentang pembatalan atau penangguhan tersebut kepada **PSM** dalam tempoh melebihi 45 hari dari tarikh acara tersebut, maka **PSM** akan membuat pemotongan sebanyak 20% daripada bayaran deposit yang telah dibuat oleh **PENYEWA**;
- b) Sekiranya **PENYEWA** memberikan notis tentang pembatalan atau penangguhan tersebut kepada **PSM** dalam tempoh antara 30 ke 45 hari dari tarikh acara tersebut, maka **PSM** akan membuat pemotongan sebanyak 50% daripada bayaran deposit yang telah dibuat oleh **PENYEWA**;
- c) Sekiranya **PENYEWA** memberikan notis tentang pembatalan atau penangguhan tersebut kepada **PSM** dalam tempoh kurang daripada 30 hari dari tarikh acara tersebut, maka **PSM** akan membuat pemotongan terhadap keseluruhan pembayaran deposit tersebut dan tiada lagi deposit yang akan dipulangkan.

7.2 **PENYEWA** hanya dibenarkan membuat penangguhan sebanyak sekali sahaja daripada tarikh asal di dalam Perjanjian ini dan pada ketika tersebut sekiranya **PENYEWA** yang sama di dalam Perjanjian ini berniat untuk menganjurkan upacara yang sama seperti di dalam Perjanjian ini atau apa-apa upacara lain, maka pada ketika tersebut Perjanjian ini tidak akan memberikan sebarang kesan kepada upacara yang baru tersebut dan **PENYEWA** hendaklah memasuki satu Perjanjian baru yang lain dengan **PSM**.

 PSM	BORANG TEMPAHAN VENUE	No borang: PSM/CAW/03
		Pindaan Tarikh: 20 FEB 2017
		Muka Surat : 12/15

ARTIKEL 8 TIKET PERCUMA

- 8.1 **PENYEWA** akan menyediakan tiket-tiket percuma pada venue-venue yang dinyatakan didalam **Jadual 1, Item No: 8**, Appendix “A” yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini.
- 8.2 Penyediaan tiket-tiket percuma tersebut adalah pada sejumlah kuantiti yang dinyatakan di dalam **Jadual 1, Item No: 9**, Appendix “A” seperti yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini.
- 8.3 Sekiranya pihak **PENYEWA** gagal menyediakan tiket percuma maka pihak **PSM** berhak mengarahkan agen-agen tiket yang disahkan oleh **PSM** untuk mencetak tiket percuma dan pihak **PSM** adalah berhak mengarahkan lokasi tempat duduk mengikut pilihan PSM.

ARTIKEL 9 AKTIVITI PERNIAGAAN

- 9.1 Kedua-dua pihak bersetuju bahawa sekiranya pihak **PENYEWA** ingin menjalankan aktiviti perniagaan, maka **PENYEWA** akan membuat permohonan secara berasingan kepada **PSM**.
- 9.2 Tertakluk kepada syarat-syarat permohonan yang akan dinyatakan kelak, sekiranya **PENYEWA** dibenarkan untuk membuka gerai-gerai, maka **PENYEWA** perlulah membayar satu kadar bayaran untuk mengendalikan gerai-gerai yang dimaksudkan tersebut dengan kadar yang ditetapkan oleh **PSM**.
- 9.3 Segala terma dan perjanjian yang berkenaan dengan gerai jualan adalah dinyatakan secara berasingan dan tidak termasuk dengan Perjanjian ini.
- 9.4 Hak penjualan makanan dan minuman adalah di bawah bidang kuasa **PSM**. Sebarang permohonan untuk penjualan makanan dan minuman adalah perlu mendapat kelulusan daripada **PSM** terlebih dahulu.
- 9.5 Sekiranya **PENYEWA** dikehendaki untuk menjelaskan sebarang bayaran berkenaan pembukaan lot perniagaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, maka ianya adalah di bawah tanggungjawab penganjur iaitu **PENYEWA** itu sendiri.

ARTIKEL 10 PAS PSM

- 10.1 **PENYEWA** hendaklah mengiktiraf dan menerima pakai pas kakitangan **PSM**.
- 10.2 Segala maklumat tentang pegawai dan kakitangan yang bertugas akan dimaklumkan kepada **PENYEWA** dari masa ke semasa.

 PSM	BORANG TEMPAHAN VENUE	No borang: PSM/CAW/03
		Pindaan Tarikh: 20 FEB 2017
		Muka Surat : 13/15

**ARTIKEL 11
PERMOHONAN LESEN DAN PERMIT
PIHAK BERKUASA YANG BERKAITAN**

11.1 **PENYEWA** perlu mendapatkan lesen dan permit berkaitan seperti berikut:-

- a. Mendapatkan lesen penganjuran acara daripada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur(DBKL);
- b. Mendapatkan permit dari Polis DiRaja Malaysia(PDRM);
- c. Lesen mempamerkan “Lamp Post Bunting”, “Billboard” di kawasan luar Kompleks Sukan Negara daripada DBKL dan/atau lain-lain pihak yang berkaitan;
- d. Lesen “Standby Generator” dari Tenaga Nasional Berhad(TNB);
- e. Membayar fee atau yuran kepada MACP bagi perunjukan secara “Live” dan kepada PPM bagi penyiaran hasil seni secara rakaman;
- f. Kelulusan daripada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat dan PDRM sekiranya ada pertunjukan ‘Phyrotechnic’;
- g. Mendapatkan kerjasama dan nasihat berhubung dengan lalu-lintas dari unit trafik; dan
- h. Mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Perancang, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terhadap pembinaan struktur sementara seperti khemah dan sebagainya.

**ARTIKEL 12
KESELAMATAN**

12.1 **Hak Penganjur**

PENYEWA adalah bertanggungjawab terhadap keselamatan peralatan mereka, para pekerja mereka dan penonton sepanjang tempoh sewaan.

12.2 **Hak PSM**

PSM juga berhak menempatkan pengawal keselamatan yang akan bertugas sepanjang tempoh sewaan **PENYEWA**, namun begitu tugas pengawal keselamatan ini hanya tertakluk kepada keselamatan hartabenda PSM sahaja.



BORANG TEMPAHAN VENUE

No borang: PSM/CAW/03

Pindaan Tarikh: 20 FEB 2017

Muka Surat : 14/15

ARTIKEL 13 KEBERSIHAN

- 13.1 **PENYEWA** perlu bertanggungjawab ke atas kebersihan sepanjang tempoh penyewaan.
- 13.2 **PSM** akan mengenakan deposit sekuriti ke atas **PENYEWA** di dalam kadar jumlah yang dinyatakan di dalam **Jadual 1, Item No: 10**, Appendix "A".

ARTIKEL 14 PETAK KENDERAAN

- 14.1 Kecuali bagi kenderaan bas dan lori yang dikenakan bayaran sebanyak RM....., semua kenderaan lain akan dikenakan bayaran sebanyak RM2.00 bagi sekali masuk kecuali jika terdapat pelekat kenderaan yang diluluskan oleh **PSM**.
- 14.2 **PSM** mempunyai hak penuh terhadap segala kutipan bayaran untuk meletak kenderaan.

ARTIKEL 15 PEMBATALAN

- 15.1 **PSM** berhak untuk membatalkan sebarang tempahan venue dengan alasan demi menjaga kepentingan negara dan/atau di bawah arahan daripada kerajaan untuk apa-apa alasan yang dikira bersesuaian dan **PENYEWA** akan diberitahu mengenai pembatalan venue sebelum penggunaan venue tersebut dan deposit yang dibayar akan dikembalikan.
- 15.2 **PENYEWA** adalah tidak boleh menuntut apa-apa kerugian daripada **PSM** sekiranya berlaku sebarang pembatalan yang dinyatakan di dalam klausa 15.1 di atas dan hanya deposit sahaja yang akan dipulangkan.

ARTIKEL 16 LAIN-LAIN

16.1 MASA

16.1.1: Masa adalah intipati utama di dalam Perjanjian ini.

16.2 APPENDIX DAN JADUAL

16.2.1 Appendix dan Jadual yang dilampirkan di dalam Perjanjian ini adalah akan dibaca sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini dan dikira sebagai bahagian yang penting di dalam Perjanjian ini.

 PSM	BORANG TEMPAHAN VENUE	No borang: PSM/CAW/03
		Pindaan Tarikh: 20 FEB 2017
		Muka Surat : 15/15

16.3 DUTI STAMP DAN KOS-KOS

16.3.1 Kesemua duti stamp dan kos-kos yang terlibat (termasuk juga yuran kepeguaman untuk dan bagi pihak **PSM**) adalah ditanggung oleh pihak **PENYEWA**.

16.4 UNDANG-UNDANG TERPAKAI

16.4.1 Perjanjian ini akan hanya menerima pakai Undang-Undang Malaysia sahaja.

16.5 NOTIS

16.5.1 Sebarang Notis yang dikehendaki untuk diberi oleh satu pihak kepada pihak yang satu lagi di dalam Perjanjian ini, hendaklah dibuat di dalam Bahasa Malaysia dan sekiranya diperlukan ianya boleh dibuat di dalam Bahasa Inggeris, dan ianya adalah akan dikira sempurna dihantar dan diserahkan sekiranya ianya dihantar dengan cara serahan tangan atau dengan cara pos berdaftar ataupun dengan cara fax, yang dihantar ke alamat yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini.

16.5.2 Sekiranya dihantar dengan tangan, pada ketika itu satu akuan penerimaan telahpun dinyatakan;

16.5.3 Sekiranya dihantar dengan cara pos berdaftar, ianya dikira sempurna dihantar sekiranya selepas tiga (3) hari selepas notis tersebut diposkan;

16.5.4 Sekiranya dihantar dengan cara fax pada hari-hari berkerja, ianya dikira sempurna dihantar keesokannya.

ALAMAT PSM : Perbadanan Stadium Malaysia
L2-E-10, Enterprise 4, Aras 2
Technology Park Malaysia
Lebuhraya Puchong-Sg. Besi
57000 Bukit Jalil
KUALA LUMPUR

ALAMAT PENYEWA :